

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha pemerintah pusat untuk menangani masalah kekurangan hospital di Negeri Sabah dan Sarawak daripada segi peruntukan, bilangan hospital, peralatan hospital dan kepakaran.

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, sebanyak 24 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun dibina di Negeri Sabah dengan jumlah bilangan katil sebanyak 4,446 buah manakala di Negeri Sarawak, sebanyak 22 buah hospital telah dibina dengan jumlah bilangan katil sebanyak 3,794 buah. KKM mengakui perkhidmatan perubatan yang disediakan yang meliputi kemudahan kepakaran, subkepakaran, bilangan katil serta prasarana dan peralatan perubatan masih belum mencukupi bagi menampung keperluan kesihatan rakyat. Sehubungan dengan itu, KKM sentiasa berusaha untuk menambah baik mutu

perkhidmatan perubatan tersebut melalui projek-projek Rancangan Malaysia yang dilakukan secara berfasa. Antara usaha-usaha yang telah dirancang adalah menaiktaraf fasiliti kesihatan baru, menaiktaraf dan melengkapi fasiliti sedia ada dengan kemudahan-kemudahan asas dan peralatan-peralatan perubatan secara berperingkat. Selain itu, usaha lain yang telah dilaksanakan adalah dengan membuat perkongsian perkhidmatan dan fasiliti sedia ada dengan memperluaskan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital terutamanya di luar bandar, mewujudkan sistem rujukan ke hospital berpakar (*referral system*), lawatan berkala pakar-pakar klinikal ke hospital tidak berpakar serta mewujudkan Hospital Kluster antara hospital berpakar dan bukan pakar.